



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2025



ISI KANDUNGAN



- Majlis Softlaunch Borneo Flora Festival (BFF) 2025

3



- Syawal Fun Walk @ Putrajaya & Car Free Day Putrajaya Edisi April 2025

4



- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 Dan Apresiasi Perbadanan Putrajaya

5



- Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Putrajaya 2025

6



- Program Putrajaya City Trail 2025

7

- Program Tuition Mission Putrajaya 2025

8

- Latihan Kebakaran 2025 Kompleks Perbadanan Putrajaya

9

- Majlis Penyerahan Projek Tempat Letak Kereta Bertingkat Presint 8

10

- Hari Tanpa Kenderaan Putrajaya

11

- Kenduri Aidiladha KRISPUTRA Perbadanan Putrajaya

12

- Majlis Peluncuran Projek Pembangunan Kota Madani

13

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)



Majlis Softlaunch Borneo Flora Festival (BFF) 2025

Borneo Flora Festival 2025 (BFF 2025) akan berlangsung dari 26 hingga 30 Julai 2025 di Labuan, menampilkan lebih 200,000 bunga dan tumbuhan tropika yang akan menghiasi lebih 20 taman bertema yang direka secara kreatif dan memukau.

Festival berprestij ini diinspirasikan daripada konsep Royal Floria Putrajaya, dengan matlamat mengangkat Labuan sebagai permata pelancongan tropika di kepulauan Borneo.

Majlis Pra Pelancaran BFF 2025 telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, bertempat di Kompleks Sukan Antarabangsa Labuan pada 12 April 2025.

Turut hadir bagi menyatakan sokongan terhadap kerjasama pelancongan antara wilayah ialah Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd Sharif. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut mengambil bahagian dalam festival berkenaan bersama pelbagai agensi lain dalam usaha memeriahkan penganjuran.

Orang ramai, khususnya warga kota, dijemput hadir ke Labuan pada bulan Julai 2025 bersama keluarga untuk menikmati keunikan dan kemeriahan Borneo Flora Festival 2025.

Majlis pra pelancaran tersebut turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Seri Noridah Abdul Rahim; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Mohd Sukuran Taib; dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' Fadlun Mak Ujud.



Syawal Fun Walk @ Putrajaya & Car Free Day Putrajaya

Edisi April 2025



Sempena Sambutan World Physical Activity Day (WoPAD) Peringkat Kebangsaan 2025, acara Syawal Fun Walk telah mencuri tumpuan pada pagi 13 April 2025 dengan penyertaan ratusan peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Sesi flag off bagi acara penuh warna-warni ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan bersama YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Syawal Fun Walk merupakan antara aktiviti kemuncak dalam sambutan WoPAD 2025 yang diadakan bersempena program Car Free Day Putrajaya. Ia bertujuan menyemarakkan semangat kesihatan melalui aktiviti fizikal ringan dalam suasana penuh kemeriahan Aidilfitri.

Program anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya ini menyediakan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik untuk pengunjung seperti Fun Music, OOTD Spot, Wellness On Wheel, Cabaran Kecergasan dan Permainan Tradisional.

Acara seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan dalam komuniti, tetapi turut memainkan peranan penting dalam menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sambutan WoPAD ini memberi mesej jelas bahawa kesihatan adalah tanggungjawab bersama.

Acara ini juga turut dimeriahkan dengan peserta yang mengenakan pakaian bertemakan Hari Raya, menjadikan suasana lebih ceria dan unik. Pelbagai aktiviti sampingan seperti cabutan bertuah, sudut pemeriksaan kesihatan, dan gerai komuniti turut diadakan bagi memeriahkan sambutan.

Penganjuran Syawal Fun Walk ini bukan sahaja menekankan kepentingan aktiviti fizikal, malah menjadi simbolik kepada kerjasama berterusan antara agensi kerajaan, NGO dan masyarakat dalam membudayakan hidup sihat di Malaysia.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2024 DAN APRESIASI PERBADANAN PUTRAJAYA

Tahniah buat semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi tahun 2024 yang berlangsung pada 16 April 2025 di Dewan Seri Siantan Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun prestasi 2024 dan Apresiasi Perbadanan Putrajaya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya.

Semoga pengiktirafan ini dapat meningkatkan lagi motivasi kepada semua pekhidmat supaya terus konsisten, tekun, berdaya cipta bagi menyumbang kepada kejayaan organisasi, memanfaatkan rakyat dan negara.

Kecemerlangan semua warga PPj penyumbang ke arah Perbadanan Putrajaya yang lebih gemilang. Semoga PPj terus cemerlang untuk tahun-tahun mendatang sekaligus kekal sebagai Pihak Berkuasa Tempatan contoh terbaik di Malaysia.



Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Putrajaya 2025



Jabatan Wilayah Persekutuan bersama Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan acara majlis tahunan bagi komuniti Putrajaya menerusi Program Semarak Aidilfitri 2025/1446H pada 24 April 2025. YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan turut menyerahkan sumbangan zakat.

Semarak Aidilfitri ini adalah program tahunan Jabatan Wilayah Persekutuan di mana ia merupakan satu lambang bahawa Wilayah Persekutuan sentiasa hidup dengan semangat kebersamaan, ukhuwwah dan juga penghargaan terhadap setiap insan yang menjadi sebahagian daripada nadi kota ini.

Sumbangan zakat wang tunai diagihkan kepada 500 orang penerima dalam kalangan asnaf dan golongan kurang mampu di Putrajaya, hasil kerjasama strategik tahun demi tahun di antara JWP dan MAIWP.



Program Putrajaya City Trail 2025



Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan Kayuhan Putrajaya City Trail Siri 1/2025 Perkasa Gaya Hidup Sihat pada 3 Mei 2025 bertempat di Taman Botani, Presint 1.

Program Kayuhan Putrajaya City Trail ini adalah sebuah inisiatif dinamik yang bertujuan untuk memperkasakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Putrajaya serta mempromosikan keindahan dan kemudahan taman-taman awam di sekitar bandar pintar ini.

Sempena Hari Kayuhan Putrajaya City Trail 2025 ini juga, satu simbolik penanaman pokok kedondong telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar sebagai tanda komitmen terhadap kelestarian alam sekitar dan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Putrajaya.



Program Tuition Mission Putrajaya 2025

Pada tahun ini, seramai 100 orang pelajar daripada sembilan buah sekolah menengah di Putrajaya telah terpilih sebagai peserta Program TMP 2025. Barisan tenaga pengajar dan guru pembimbing terdiri daripada 20 orang guru yang berpengalaman luas dalam memberikan bimbingan kepada pelajar yang akan menduduki SPM.

Kelas TMP dilaksanakan secara fizikal bermula pada 20 Mei hingga 11 September 2025 di Kompleks Kejiranan Presint 16, pada setiap hari Selasa dan Khamis dan dibuat secara bergilir mengikut subjek.

Majlis Perasmian Program Tuition Mission Putrajaya Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2025 telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan pada 16 Mei 2025 (Jumaat) di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Sebanyak RM120,000 diperuntukkan bagi pembangunan program Tuition Mission Putrajaya (TMP) 2025, bagi membiayai keseluruhan kos program termasuk penyediaan modul, seminar motivasi dan pemantauan program. Jumlah peruntukan tersebut sebagai pelaburan jangka panjang kerajaan bagi membantu pelajar kurang berkemampuan mendapat akses pendidikan dan bimbingan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Program ini telah dilaksanakan di Putrajaya selama empat tahun berturut-turut dan melibatkan sekitar 100 orang pelajar setiap tahun daripada golongan mereka yang kurang berkemampuan dan B40. Program yang dilakukan bawah Program Usaha Jaya Insan iaitu Ilmu PUJI ini telah mencatat kejayaan dengan lahirnya pelajar-pelajar cemerlang.

TMP merupakan program tahunan anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP) dan disenaraikan bawah Program Usaha Jaya Insan (PUJI) dalam komponen ILMU@ PUJI yang diperkenalkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

Program tuisyen percuma ini menyediakan kelas tambahan untuk empat mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah bagi pelajar yang bakal menduduki SPM.



Latihan Kebakaran 2025 Kompleks Perbadanan Putrajaya

Latihan ini dilaksanakan sebagai usaha berterusan untuk memastikan tahap kesiapsiagaan warga kerja berada pada tahap tertinggi dalam menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga kerja, petugas keselamatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia WP Putrajaya.

Komitmen semua mencerminkan semangat tanggungjawab dan keprihatinan terhadap keselamatan bersama.





MAJLIS PENYERAHAN PROJEK TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT PRESINT 8

Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud telah menyempurnakan penyerahan rasmi Projek Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Presint 8 kepada pihak Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) pada 13 Jun 2025 bagi kemudahan penduduk kuarters Pangsapuri Fasa 4B.

Majlis penyerahan ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Ramlee bin Yatim (Timbalan Ketua Pengarah, Perancangan dan Pembangunan, JWP), En. Mohd Rashidi bin Yahaya (Pengarah, Bahagian Pengurusan Pembangunan, JWP), En. Sharez Izuan bin Md Zaidi (Timbalan Setiausaha Bahagian, BPH), serta wakil-wakil agensi pelaksana, perunding, dan kontraktor yang terlibat.

Projek ini dilaksanakan sebagai usaha menambah baik kemudahan parkir bagi penduduk kuarters kerajaan, selaras dengan komitmen menyediakan kemudahan yang selesa, terancang dan memenuhi keperluan komuniti setempat.





Hari Tanpa Kenderaan Putrajaya

Hari Tanpa Kenderaan (Car Free Day) Putrajaya edisi Jun 2025 kali ini dengan kerjasama Koperasi PPz Berhad. Program telah berlangsung pada hari Ahad 15 Jun 2025, jam 7:00 - 9:30 pagi di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

Pelbagai Aktiviti menarik seperti Langkah Ceria bertemakan Cosplay anjuran KoPPZ, Konvoi Berkuda, Pameran Menarik, Permainan Tradisional dan Cabutan Bertuah.



KENDURI AIDILADHA KRISPUTRA PERBADANAN PUTRAJAYA



Pada 09 Jun 2025 bersamaan 12 Zulhijjah 1446H Perbadanan Putrajaya (PPj) melalui Kelab Sukan dan Rekreasi Perbadanan Putrajaya (KRISPutra) telah menganjurkan Kenduri Aidiladha KRISPUTRA PPj dengan menumbangkan 2 ekor lembu bertempat di perkarangan Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin.

Program Kenduri Aidiladha KRISPUTRA ini telah dimeriahkan dengan kehadiran warga kerja Perbadanan Putrajaya yang turut serta bersama dalam melaksanakan ibadah korban, memasak secara gotong-royong dan memeriahkan suasana kenduri Aidiladha.





Majlis Peluncuran Projek Pembangunan Kota Madani

Pada 26 Jun 2025, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan projek pembangunan Kota MADANI yang bakal merangkumi 10,000 unit kuarters kediaman berintensiti tinggi yang mampu menampung lebih 30,000 penduduk terutamanya penjawat awam dan pesara kerajaan, sekolah menengah serta pelbagai kemudahan awam.

Kota Madani adalah bandar pintar pertama berteraskan nilai MADANI yang mampan, mesra rakyat, dan dipacu teknologi. Ia merupakan sebuah projek pembangunan bandar pintar seluas 41.28 hektar di Presint 19, Putrajaya.

Kota Madani mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan (AI), infrastruktur digital canggih dan sistem mobiliti hijau. Ini menjadikannya contoh bandar masa depan yang sebenar.

Matlamat utama Kota Madani ialah membangunkan satu kawasan bandar yang menjunjung prinsip keadilan sosial, keterangkuman dan pembangunan ekonomi secara adil.

Ia menggabungkan elemen perancangan bandar moden dengan nilai-nilai

kemanusiaan yang holistik, sejajar dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan dalam membina negara yang progresif dan berdaya tahan.

Fasa pertama pembangunan Kota Madani, bandar masa depan Malaysia akan bermula pada September 2025, melibatkan pembinaan sebanyak 3,000 unit kediaman serta sebuah sekolah menengah. Fasa ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2027.

